



Helo Kampus



Johor



TUNKU ISMAIL SULTAN IBRAHIM



IR. SHAMSUDIN ABDUL KADIR

UTHM kini miliki dua Pro-Canselor

BATU PAHAT 13 Julai – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memiliki dua orang Pro-Canselor iaitu Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan Tan Sri Ir. Shamsudin Abdul Kadir.

Tunku Ismail dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UTHM oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar pada majlis konvokesyen kesembilan universiti itu baru-baru ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, pemasyhuran itu bakal memantapkan lagi hierarki kepimpinan universiti itu kerana selain dinaungi Sultan Ibrahim sebagai Canselor, UTHM turut mendapat bimbingan kedua-dua Pro Canselor berkenaan.

“Pihak universiti berasa sungguh terharu dan menyanjung tinggi perkenan yang di-

berikan oleh Tuanku, Sultan Johor dengan pemasyhuran Tunku Mahkota Johor sebagai Pro-Canselor UTHM.

“Saya yakin gabungan sumbangan dan idea Tunku Mahkota Johor dan Tan Sri Ir. Shamsudin sebagai Pro-Canselor akan berupaya memacu universiti ini ke tahap yang lebih cemerlang pada masa akan datang,” katanya dalam kenyataan di sini.

Tunku Ismail yang diputerakan pada 30 Jun 1984 di Johor Bahru merupakan putera sulung daripada enam beradik dan mendapat latihan ketenteraan di Indian Military Academy (IMA), sebuah akademi ketenteraan ulung yang terletak di Dehradun, India.

Semasa berada di India, Tunku Ismail mencatat sejarah apabila menjadi individu bukan warganegara India pertama dipilih

mengetuai Unit 61 Cavalry Regiment yang berpangkalan di Jaipur, India dalam perarakan sempena Hari Kemerdekaan negara itu.

Tunku Ismail berkemahiran tinggi menunggang kuda dan merupakan pemain polo yang disegani dalam rejimen berkenaan.

Dalam sukan polo, Tunku Ismail telah merangkul pelbagai kejuaraan dan anugerah di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Shamsudin pula merupakan Pengasas dan Pengerusi Sapura Holdings Sdn. Bhd.

Sebelum dilantik sebagai Pro-Canselor, anak kelahiran Ipoh, Perak ini merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM yang pertama dan memegang jawatan tersebut selama lapan tahun.